

## KPDNHEP lupus enam kes rampasan membabitkan jumlah RM44,303

2020-02-25T18:44:50+08:00

oleh Vivi Olviana Najurus



**SIDANG MEDIA:** Georgie (tengah) bersama pegawainya menunjukkan barangan yang akan dilupuskan semasa sidang media di sini semalam.

**KOTA KINABALU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah berjaya melaksanakan pelupusan terhadap enam kes rampasan membabitkan jumlah RM44,303 di sini.

Pengarahnya Georgie Abas berkata antara kes terbabit termasuklah kesalahan mengikut Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Kita melaksanakan pelupusan yang membabitkan nilai rampasan sebanyak RM44,303 dan ditawarkan kompaun sebanyak RM20,000 selepas kes selesai dan mendapat arahan pelupusan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sidang media di Stor Ekshibit Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP Sabah di sini.

Dalam pada itu beliau berkata sepanjang tempoh tahun lalu, KPDNHEP Sabah berjaya mencatatkan pencapaian membanggakan iaitu pencapaian seratus peratus dalam Sasaran Kerja Tahunan (SKT).

"Kita berjaya melaksanakan 83,840 pemeriksaan premis secara keseluruhan dan melebihi daripada jumlah sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 72, 180 pemeriksaan.

"Jumlah kes yang dicatatkan adalah sebanyak 1,429 berbanding hanya 1,142 yang disasarkan dengan nilai rampasan keseluruhan sebanyak RM4,706, 876.94 dan jumlah kompaun mencecah RM469,700," katanya.

Katanya KPDNHEP Sabah akan terus melaksanakan pemantauan serta berusaha melindungi hak pengguna melalui tindakan tegas yang dikenakan terhadap peniaga yang gagal mematuhi undang-undang serta peraturan yang dikuatkuasakan.

"Kita juga akan meningkatkan kehadiran anggota di kawasan terpilih yang menjadi tumpuan orang ramai bagi mewujudkan ruang persekitaran perniagaan yang selamat dan beretika.

"Kerjasama antara pelbagai pihak turut ditingkatkan termasuklah kehadiran Pegawai Pemantau Harga bagi memantau harga barangan keperluan asas, Rakan Pengguna yang menjadi mata serta telinga kementerian bagi menyebarkan maklumat penting berhubung isu kepenggunaan," katanya.

Menurutnya peniaga juga dinasihatkan untuk mematuhi arahan serta beretika dalam perniagaan dan pada masa sama pengguna juga perlu mengetahui tanggungjawab dan hak masing-masing.

